

Keadaan dapat dikawal: Malik

25/3/2012
(6B/Ams/NA/65)

26 JUL 1988 MS

JOHOR BAHRU, Isnin — Disiplin pelajar di semua sekolah rendah dan menengah di negeri ini sentiasa terkawal dan memuaskan, kata Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri, Haji Abdul Malik Mohd Dom.

Beliau berkata, tugas menjaga disiplin pelajar adalah tanggungjawab pengetua dan sebarang masalah yang timbul berhubung kegiatan tidak berdisiplin akan diambil tindakan segera.

"Pengetua berkuasa penuh mengenakan hukuman atau denda ke atas pelajar yang terbabit dalam kegiatan tidak berdisiplin itu," katanya.

Menurutnya, laporan mengenai kegiatan itu akan dihantar kepada jabatan sebagai maklumat mengenai apa yang berlaku dan tindakan yang diambil.

Menumbuk guru

Beliau bercakta demikian ketika mengulas beberapa peristiwa yang berlaku di empat sekolah di negeri ini sejak tiga minggu lalu, yang ditakrifkan sebagai kegiatan tidak berdisiplin.

Peristiwa-peristiwa itu yang dilaporkan dalam akhbar ini lalah:-

- Kejadian sekumpulan pelajar menjual sijil sakit palsu di sebuah sekolah di daerah ini.
- Kejadian seorang pelajar tingkatan satu menumbuk seorang guru di Sekolah Menengah Yong Peng, Batu Pahat,

Oleh ADAM MOHAMAD

● Kejadian seorang pelajar tingkatan satu di Sekolah Menengah Sains Johor, Kluang dipukul oleh tujuh pelajar, menyebabkan sekolah itu mengambil tindakan menyingkir dua pelajar terbabit dan lima yang lain digantung persekolahan, dan

● Tujuh pelajar Sekolah Menengah Teknik di sini di singkir daripada sekolah kerana mencuri kupon makanan bernilai \$2,000 di koperasi sekolah, baru-baru ini.

Haji Abdul Malik berkata, jabatan sentiasa mengawasi kegiatan tidak berdisiplin itu dan tidak bertolak ansur dengan pelajar yang terbabit dengan perbuatan itu.

"Kecuali laporan kejadian pelajar jual sijil sakit palsu, laporan lain sudah diterima dan tindakan ke atas pelajar terbabit sudah diambil," katanya.

Mengenai lima pelajar Sekolah Menengah Sains Johor, Kluang, yang digantung sekolah selama seminggu dan akan kembali belajar di sekolah itu, Haji Abdul Malik berkata: "Itu terpulang kepada pengetua sekolah berkenaan kerana jawatankuasa disiplinnya yang mengambil tindakan demikian."

Sementara itu, sumber sekolah menengah yang pelajarnya terbabit dengan kejadian menjual sijil sakit palsu itu memberitahu Berita Harian, siasatan mengenai kegiatan itu terpaksa disambung selepas cuti penggal kedua ini.

Penuntut digalak jadikan penulisan sebagai hobi

27 JUL 1988

KOTA TINGGI: Pelajar digalakkan bergiat di bidang penulisan sebagai hobi untuk memenuhi masa lapang sebelum mereka berusaha gigih menjadikannya sebagai satu kerjaya.

Ketua Biro Berita Harian Johor, Encik Ibrahim Yahaya berkata, ramai penulis berjaya menjadikan penulisan sebagai kerjaya tetap selepas karya mereka disiarkan di akhbar atau majalah.

Katanya, bidang penulisan tidak terhad kepada berita dan rencana tetapi skopnya luas termasuk menulis sajak dan cerpen untuk melahirkan kepuasan menyampaikan sesuatu

maklumat kepada pembaca.

"Pelajar boleh menjadi penulis yang baik jika berminat dan gigih berkarya setiap masa," katanya ketika menutup kursus penulisan berita dan rencana yang disertai oleh 100 pelajar Sekolah Tun Habab di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, karya seperti cerpen, sajak, berita dan rencana boleh dilihat kepada semua majalah dan akhbar di negara ini untuk diterbitkan.

Beliau berkata, akhbar Berita Harian juga mengadakan ruangan khas untuk pelajar seperti Akhbar Dalam Darjah, Sekolah Kami dan Harian Pendidikan.

Katanya, ruangan itu mem-

beri peluang kepada pelajar menghantar hasil tulisan berbentuk pendidikan bagi bacaan umum.

Kursus itu dianjurkan oleh Kelab Penulisan Kreatif sekolah berkenaan. Ia dapat mendekarkan pelajar mengenai penulisan berita dan rencana di samping menanamkan minat menulis cerpen dan sajak.

Seorang pelajar, Mohd Kamal Tumin berkata, kursus itu memberinya pengetahuan baru mengenai penulisan berita dan rencana.

"Segala pengetahuan akan saya gunakan sebagai asas untuk memulakan kerjaya menjadi penulis apabila tamat bersekolah," katanya.

80 ikuti kursus kesedaran diri

27 JUL 1988

LAPAN puluh pelajar tingkatan tiga dan lima Sekolah Menengah Pasir Gudang di sini mengikuti kursus kesedaran diri selama dua hari minggu lalu.

Guru besarnya, Encik Ahmad Tarman, berkata kursus itu anjuran Kelab Bimbingan dan Kaunseling sekolah berkenaan dan Biro Tata Negara Johor.

"Seramai 12 guru kaunseling daerah ini dan dari Biro Tata Negara mengendalikan kursus itu."

"Kursus itu bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar yang akan mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) tahun ini," katanya.

Katanya, kursus itu menitikberatkan pencapaian pelajar untuk bersikap positif dan yakin keti-

ka menghadapi peperiksaan.

Menurutnya, latihan motivasi juga diadakan untuk pelajar berkenaan pada hari keduanya hingga jam 1 pagi.

"Tujuannya mendidik pelajar bersikap terbuka menyelesaikan masalah sendiri sebelum menghadapi peperiksaan itu," katanya.

Encik Ahmad berkata, sambutan pelajar adalah menggalakkan sehingga sentiasa hadir sepanjang kursus itu.

"Sekolah berpuas hati dengan pencapaian itu berdasarkan pembabitan mereka dalam setiap kegiatan yang dijalankan sepanjang kursus itu," katanya.